



# Lutheran Study Centre

26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Phone: 6088231579; Fax: 6088 232618  
Email: [lsc@stssabah.org](mailto:lsc@stssabah.org)

L. S. C.  
NEWSLETTER

7th Edition  
February 2017

## Utusan daripada Pengarah, Dr Eric Trozzo



2017 adalah merupakan tahun yang penuh dengan banyak kemungkinan. Ramai akan bertumpu kepada Martin Luther dengan minat yang baru dalam penandaan setengah millennium pemikiran Reformasi. Pada masa inilah kajian dan refleksi memberikan peluang yang penting kepada pendidikan serta menempa kemungkinan-kemungkinan baru. Pada tahun ini, ia merupakan tugas dan tanggungjawab penting bagi Pusat Pengajian Lutheran menjadi pusat sumber kepada gereja-gereja di mana mereka mengambil kesempatan daripada peluang yang tersedia untuk mendapatkan bantuan. Beberapa jemaah telah menjemput saya untuk berbicara mengenai Martin Luther dan kepentingannya. Bagi ke-

banyakan orang Kristian, Martin Luther adalah nama yang mereka sudah pernah mendengar sebagai seorang tokoh penting dalam sejarah agama Kristian, akan tetapi mereka hanya tahu sedikit mengenai apa yang dia telah katakan. Saya berpendapat bahawa semakin ramai ahli-ahli Gereja telah berminat kepada pengimbasan kembali untuk lebih memahami khazanah pemikiran yang boleh didapati daripada Reformasi. Seperti yang saya telah ajarkan dalam perhimpunan jemaah, saya mendapati bahawa ramai orang yang terkejut pada bagaimana pandangan tersebut masih relevan dalam gereja hari ini. Mereka sedang mencari nilai-nilai teras seperti teologi salib dan perbezaan di antara hukum dan Injil sebagai satu cara bagi mendengar panggilan Injil yang konsisten melewati derapan pernyataan-pernyataan teologi yang bersaing.

Pada masa yang sama, perhentian pada 500 tahun untuk merenung kembali juga membuka pintu yang menentukan hala tuju baru untuk masa depan. Tugas teologi kita bukanlah semata-mata untuk melihat kembali dan meraikan pendapat-pendapat dari 500 tahun yang lalu, tetapi untuk

menarik kembali pandangan mereka dengan cara memberi inspirasi kepada kita untuk terus memberitakan Injil dalam masa dan tempat kita. Khususnya pada tahun ini, ia memberi peluang untuk perbincangan eku-menikal bagaimana mengetengahkan warisan Kristian kita dengan berkongsi dalam merumuskan bagaimana kita berbicara Firman Allah dalam keadaan sezaman yang kita hadapi. Dalam hal ini, ia amat menarik dengan beberapa bulan mendatang ini kita akan melihat permulaan dialog Lutheran-Pentecostal di Malaysia. Semoga perbincangan tersebut akan mula membuka laluan untuk pengiktirafan bersama sebagai anggota tubuh Kristus.

Ia adalah harapan saya bahawa Pusat Pengajian Lutheran boleh menjadi satu sumber yang berguna pada tahun ini bagi mereka yang bukan sahaja berhasrat untuk mengenali lebih mendalam dari segi teologi sejarah tetapi

juga kesungguhan yang dalam untuk membantu mempertajamkan visi teologi gereja untuk hari ini dan masa depan. Projek jenis ini membawa kita ke tahap yang lebih jauh daripada peristiwa ulang tahun ini dan meneruskan misi Tuhan di dunia.

### Di dalam isu ini:

*LSC Updates* 2

*Misi Forum* 3

*Ulasan buku* 4



### Dibebaskan oleh rahmat Allah

2017 menandakan 500 tahun sejak awal Reformasi, dan banyak gereja mempunyai pelbagai aktiviti yang dirancang. LSC sedang menganjurkan acara-acara bagi Persekutuan Gereja-gereja Lutheran Injili di Malaysia dan Singapura. Terdapat tiga acara: satu dalam bahasa Mandarin, satu dalam Bahasa Malaysia, dan satu dalam bahasa Inggeris. Setiap acara akan mengambil masa selama tiga hari yang memberi tumpuan kepada tema "Dibebaskan oleh Rahmat Allah." Setiap acara akan mempunyai gabungan di antara ceramah, bengkel dan aktiviti, dan merupakan satu masa persekutuan bagi membantu membina jambatan di antara ahli-ahli gereja yang berbeza dalam FELCMS. Borang pendaftaran boleh didapati melalui Pejabat Pusat Gereja anggota masing-masing.

### Jadual:

5-7 Jun, dalam BM di STS

12-14 Jun, dalam Bahasa Inggeris di MBS

10-12 Julai, dalam Bahasa Cina di STS



## Lutheran Study Centre

26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Phone: 6088231579; Fax: 6088 232618  
Email: [lsc@stssabah.org](mailto:lsc@stssabah.org)

L. S. C.  
NEWSLETTER

7th Edition  
February 2017

### Selamat datang kepada Dr. Guillermo Hansen

Pada bulan Februari 2017, Dr. Guillermo Hansen akan melawat STS sebagai sebahagian daripada cuti beliau. Dr. Hansen adalah seorang Profesor dan Kerusi Martin Luther King Jr. untuk Keadilan dan Komuniti Kristian di Seminari Luther di St. Paul, Minnesota. Berasal dari Buenos Aires, Argentina, beliau telah bekerja dalam pelbagai jawatan dengan gereja Lutheran di seluruh dunia. Semasa lawatannya ke STS, Dr. Hansen akan menyertai dalam satu sesi kursus LSC untuk bercakap tentang etika ekonomi Luther.

### Kakitangan LSC baru

Kami mengalu-alukan Cik Davina Therese Perreau sebagai pentadbir LSC baru. Beliau adalah merupakan ahli Bundusan BCCM (Charis). Dia akan berada di Pejabat Isnin-Rabu. Kami bersyukur dan berterima kasih atas perkhidmatan beliau.



### Selamat datang ke Persatuan Penyebaran Evangelika kanak-kanak Borneo

Bermula pada Februari 2017, LSC akan menyewakan sebahagian daripada ruangan pusatnya kepada Persatuan Penyebaran Evangelika kanak-kanak Borneo, sebuah pertubuhan misi Kristian yang memberi tumpuan pelayanan kepada kanak-kanak. Kebanyakan ruang LSC jarang digunakan, perkongsian ruang membawa manfaat kepada kedua-dua kumpulan. Persatuan ini tidak akan membina dinding atau menukar ruang fizikal secara mendadak; rak-rak buku akan bertindak sebagai pembahagi manakala yang selebihnya kekal seperti sedia ada supaya mudah dialihkan apabila ada keperluan ruang yang lebih besar untuk seminar.

### Kemaskini penerbitan

Sebagai sebahagian daripada sambutan 2017, kami, LSC teruja dapat membuat penterjemahan bagi beberapa tulisan Luther dalam Bahasa Malaysia. LSC telah mendapat kebenaran daripada Augsburg Fortress untuk mencetak dan mengedar buku yang mengandungi terjemahan daripada lima tulisan-tulisan Luther.

Ini adalah:

- Penjelasan Ringkas Apa Yang Dicari dan Diharapkan Dalam Injil
- Bagaimana Orang-Orang Kristian Me-

mandang Nabi Musa

- Perdebatan Heidelberg
- Dua Jenis Kebenaran
- Mengenai Sakramen Tubuh dan Darah Kristus, dan Persaudaraan

Tulisan-tulisan ini, bersama-sama dengan pengenalan oleh Dr. Eric Trozzo, akan dikumpulkan dalam sebuah buku yang bertajuk *Faith, the Word of God, and Righteousness (Iman, Firman Allah dan Kebenaran)*. Terjemahan pada masa ini sedang dimuktamadkan dan dalam semakan dan mudah-mudahan akan tersedia pada bulan Jun untuk acara FELCMS. Ia juga akan membantu untuk kegunaan dalam kelas LSC pada masa akan datang.



## Lutheran Study Centre

26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Phone: 6088231579; Fax: 6088 232618  
Email: [lsc@stssabah.org](mailto:lsc@stssabah.org)

L. S. C.  
NEWSLETTER

7th Edition  
February 2017

### Lawatan Dr. Uwe Hummel

*LSC amat berterima kasih kepada Misi 21 kerana menganjurkan lawatan Dr. Uwe Hummel. Beliau berkhidmat di seminari di Banjarmasin, Indonesia melalui Misi 21. Pada bulan Oktober, beliau telah melawat Sabah selama dua minggu. Ketika itu beliau mengajar satu kursus Eklesiologi Lutheran di Pusat Pengajian Lutheran STS dan di Pusat Latihan Alkitab PCS, Tinangol. Beliau turut mengadakan seminar mengenai struktur gereja Lutheran yang bermisi untuk BCCM-BM. Kehadiran beliau di Sabah merupakan satu berkat yang besar.*



### Forum misi Mekong

Dr. Eric Trozzo mewakili Pusat Pengajian Lutheran pada Mesyuarat Forum misi Mekong, perhimpunan di antara gereja-gereja Lutheran dan rakan-rakan yang terlibat dalam misi rantau Mekong, telah diadakan di Yangon, Myanmar pada bulan Oktober. Pertemuan itu merupakan satu peluang untuk kedua-dua pihak lebih memahami keperluan gereja-gereja di rantau ini dan menawarkan LSC sebagai sumber pendidikan teologi kepada gereja-gereja tersebut. Semasa di sana, Dr. Eric juga mempunyai peluang untuk berkhotbah dalam perhimpunan jemaah pusat Gereja Lutheran Myanmar atas jemputan Rev. James San Aung, yang telah menghabiskan masa belajar di LSC.



## Lutheran Study Centre

26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia


Phone: 6088231579; Fax: 6088 232618

Email: [lsc@stssabah.org](mailto:lsc@stssabah.org)

L. S. C.  
NEWSLETTER

7th Edition

7th Edition



### Ulasan buku:

*Berani Berdosa! Menjustifikasikan Kepercayaan kepada Jiwa yang Rapuh dan Hancur, oleh Ted Peters*

Salah satu soalan yang paling kerap ditanya kepada saya adalah sama ada gagasan Reformasi mengenai pembenaran oleh kasih kurnia masih relevan sehingga hari ini. Ramai berpendapat bahawa konsep pembenaran sebagai ketinggalan zaman dan lebih sesuai bagi kelas Sejarah Gereja daripada diajarkan dalam pelayan gereja masa kini. Dalam buku *Sin Boldly!*, Peters menyelami semula topik pembenaran, memberikan pandangan yang segar dan pada masa yang sama kekal teguh berakar umbi secara alkitabiah dan bertradisi Lutheran.

Peters membezakan antara jiwa-jiwa yang rapuh dan hancur. Jiwa-jiwa yang rapuh, beliau menjelaskan, adalah mereka yang menderita kebingungan tentang kelayakan mereka: sama ada mereka telah melakukan bahagian mereka dalam menjadi pengaruh yang positif dalam dunia yang semakin kompleks. Huraian ini juga mungkin menggambarkan sebahagian besar daripada kita kerana kita berjuang untuk bersaing dengan banyak tuntutan masa dan hati kita. Kita ingin menjadi prihatin, penyayang, kompeten, dan bermoral, tetapi tenggelam dengan semua apa yang diperlukan untuk itu. Jiwa seperti itu mudah rapuh kerana mereka mudah tunduk kepada godaan untuk mengurangkan kebingungan mereka dengan mempercayai keupayaan mereka untuk menguruskan segalanya. Percubaan sedemikian, walau bagaimanapun, ditakdirkan untuk gagal kerana ia membawa kepada pelbagai jenis legalisme. Kepada orang seperti itu, wawasan Lutheran bahawa kita mesti menghentikan cubaan pembenaran diri dan sebaliknya percaya apa yang diberikan melalui Kristus adalah diagnosis yang berguna.

Kecenderungan Lutheran mendiagnosis semua orang dengan penyakit pembenaran diri telah gagal mengenal pasti, dalam pandangan Peters, bahawa jiwa yang rapuh itu tidak bersifat sejagat. Melalui siasatan ke atas gangguan tekanan pasca-trauma dan luka rohani yang lain, Peters membawa kita untuk melihat bahawa beberapa orang telah jatuh begitu jauh ke dalam putus asa mereka sehingga kehilangan harapan. Dalam kes sedemikian, Peters berpegang bahawa pembenaran forensik oleh iman tidak memadai. Penyembuhan dari perasan putus asa yang dalam adalah datang melalui tinggalnya Kristus sebagai kehadiran yang nyata dalam penderitaan, kematian, dan Kristus yang dibangkitkan memasuki ke dalam hidup yang hancur.

Peters membentangkan iman yang hidup dalam kehidupan Kristus yang melibatkan bukan sahaja teori tetapi juga mengamalkan contoh kehidupan dalam iman. Beliau menjelaskan hubungan di antara pembenaran dan etika serta menetapkan perbincangan dalam konteks ekumenisme, dialog antara orang yang beragama dan dialog bersama dengan orang-orang bukan agamawan. Pada masa yang sama pemikiran beliau kekal dengan tradisi Lutheran. Saya mendapati bahawa buku ini sangat bernilai untuk tujuan kelas dan perbincangan bagi mereka yang ingin memikirkan lebih mendalam mengenai relevansi yang berterusan tentang konsep pembenaran oleh iman.

- oleh Eric Trozzo